

Peranan Sekolah Agama dalam Pembentukan Identiti Wanita Melayu di Zaman Kolonial: Kajian Kes Tarbiah al Banat

SHARIFAH ZALEHA SYED HASSAN

ABSTRAK

Modernisasi yang mengiringi kolonialisme di Alor Setar, Kedah telah menghasilkan satu generasi "wanita baru" yang menghayati kemodenan dengan meniru gaya hidup Barat. Terharu dengan perkembangan ini, beberapa orang ulamak telah menubuhkan sekolah agama khusus untuk remaja perempuan. Dikenali sebagai Tarbiah al Banat, sekolah agama ini merupakan alternatif kepada sekolah Melayu dan Inggeris bagi remaja perempuan mempelajari ilmu-ilmu agama dan sekular serta kemahiran-kemahiran hidup seperti memasak dan menjahit. Ternyata daripada pola-pola sosialisasi di sekolah berkenaan, pelajar-pelajarnya berjaya membentuk identiti kelompok berasaskan pengalaman-pengalaman sepunya sebagai pelajar atau lebih khusus lagi sebagai "budak-budak banat". Bagaimanapun "budak-budak banat" mudah merasai yang mereka adalah kelompok yang kekurangan dari segi kebudayaan dan sosial untuk menyesuaikan diri kepada situasi moden berbanding dengan pelajar-pelajar sekolah Inggeris dan Madhad Mahmud. Ini disebabkan mereka tidak menguasai bahasa Inggeris dan kurang yakin dengan ideologi gender Islam yang mengutamakan kaum lelaki. Artikel ini menyarankan bahawa sekolah agama sebenarnya tidak membawa perubahan yang signifikan kepada identiti wanita Melayu sebagai kelompok yang disubordinat.

ABSTRACT

Modernisation which accompanied colonialism had produced in Alor Setar, Kedah a new generation of women who experienced modernity by emulating the Western lifestyle. Disturbed by this development, several ulamak in the state set up a religious school especially for girls. Known as the Tarbiah al Banat, this school became an alternative to the existing Malay and English schools to acquire religious and secular sciences as well as to learn living skills namely cooking and sewing. It is obvious from the socialisation patterns in Tarbiah al Banat that its students had been able to carve for themselves a group identity based on their common experience as students, more specifically as the 'banat girls'. However, as a group, the 'banat girls' regarded themselves as being socially and culturally inadequate to successfully adjust to the modern situation compared to those students from the English

schools and the Mahmud College. This feeling of inferiority derived from the 'banat girls' inability to command the English language and the Islamic gender ideology which tended to favour men to women. This paper argues that the religious school in the colonial times did not bring any significant changes to the identity of Malay women as a subordinated group even as Malay society modernised.

PENDAHULUAN

Kedatangan dan penjajahan Inggeris di negeri Kedah pada awal abad ke-20 telah memperlihatkan kesan-kesan yang besar lagi signifikan terhadap struktur sosial masyarakat Melayu. Salah satu kesan yang cukup ketara ialah kemunculan “wanita baru” di Alor Star, ibu negeri Kedah, yang telah terdedah kepada sistem pendidikan sekular dan yang mampu mengidentifikasikan diri mereka dengan tamadun Barat, khususnya tamadun Inggeris. Kemunculan wanita-wanita yang boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, yang memakai seluar panjang, *gown* dan *skirt*, dan yang bekerja makan gaji sebagai guru, jururawat, anggota polis, kerani dan pelayan di kedai-kedai kopi, berkait dengan projek kemodenan pihak Inggeris (*modernity project*). Projek ini berasaskan andaian bahawa penduduk tempatan hanya dapat mengalami dan menghayati kemodenan sekiranya mereka meniru budaya Barat, menerima rasionalisme Barat dan memantapkan institusi-institusi pendidikan, pentadbiran dan undang-undang Barat (lihat Giddens 1990 dan Gomes 1994). Dalam konteks modenisasi yang berlangsung di zaman kolonial, sekolah, terutama sekali sekolah Inggeris, dianggap institusi utama yang dapat membentuk wanita Melayu menjadi moden. Wanita moden ialah wanita yang dapat mengidentifikasi dirinya dengan budaya Barat, khususnya dengan sejarah dan tamadun England dan kurang berbangga dengan warisan sendiri. Pendek kata ciri-ciri wanita moden yang ingin dipupuk oleh penjajah Inggeris adalah bertentangan dengan tanggapan-tanggapan yang sedia ada tentang wanita yang unggul dan yang didasarkan kepada kepercayaan bahawa wanita seharusnya terikat dengan kerja-kerja rumah dan dilindungi serta dikawal oleh kaum lelaki.

Sensitif akan agenda tersembunyi penjajah Inggeris dan didorong oleh semangat keusahawanan yang ada pada diri mereka, beberapa orang ulamak yang berpengaruh di negeri Kedah telah bertindak balas dengan menubuhkan sebuah sekolah agama untuk remaja perempuan. Didorong oleh keyakinan bahawa kemodenan melibatkan integrasi unsur-unsur tradisi dan moden, para ulamak berkenaan menamakan sekolah tersebut Tarbiah al Banat. Artikel ini menumpukan perhatian kepada peranan sekolah ini dalam pembentukan identiti wanita Melayu di zaman kolonial. Lebih khusus lagi, ia bertujuan menunjukkan bagaimana dan sejauh mana struktur sekolah, sistem pembelajaran dan kaedah

pengajaran di Tarbiah al Banat mempengaruhi konsep sendiri dan identiti pelajar-pelajar sekolah berkenaan.

Untuk tujuan analisis, artikel ini mengkonseptualisasikan penubuhan TB sebagai sebahagian daripada gerakan identiti atau *identity movement* (lihat Friedman 1989) yang dilancarkan oleh elit Melayu untuk memastikan agar kaum wanita menghayati kemodenan dan bukan dengan meniru Barat bulat-bulat tetapi dengan mengintegrasikan Islam, adat dan aspek-aspek tertentu budaya Barat. Juga untuk tujuan perbincangan, konsep “identiti” yang diguna di dalam artikel ini merujuk kepada perasaan dan idea-idea seseorang tentang diri sendiri atau *one's sense of self, one's feelings and ideas about oneself*. Identiti ialah sesuatu yang dibentuk dan boleh berubah. Pembentukan identiti lazimnya berkait rapat dengan kesedaran seseorang atau kelompok tentang dirinya dan jangkaan-jangkaan yang dikaitkan dengan peranan-peranan sosial yang dipegang dan internalisasinya. Lazimnya seseorang individu mencipta identitinya berdasarkan pengalaman hidupnya. Ia juga mampu mengubah identiti itu atau mengkonstruksi semula identiti tersebut sejajar dengan perubahan-perubahan dalam kehidupannya. Oleh itu, adalah tidak keterlaluan sekiranya disimpulkan bahawa identiti dan pembentukan identiti ialah sesuatu yang dinamik.

Perlu dinyatakan di sini bahawa maklumat serta data yang sedia ada tentang Tarbiah al Banat cukup sedikit. Oleh itu untuk mengkonstruksi semula pengalaman pelajar-pelajar sekolah tersebut, penulis telah mengguna data sejarah dan bergantung kepada keterangan empat orang bekas pelajar Tarbiah al Banat yang kini berada dalam lingkungan umur 60 tahun, bekas guru Tarbiah al Banat dan memori penulis sendiri akan pengalaman al marhumah kekandanya, Sharifah Nurulain Syed Hassan, yang pernah belajar di Tarbiah al Banat. Artikel ini bermula dengan satu tinjauan ringkas tentang kesan pola-pola sosialisasi di kalangan masyarakat Melayu pramoden terhadap konsep sendiri wanita dan erti kewanitaan di zaman tersebut. Ini diikuti dengan perbincangan tentang sejarah, organisasi dan sistem pendidikan di Tarbiah al Banat. Bahagian ketiga membicara jenis identiti kelompok yang terpupuk di kalangan penuntut Tarbiah al Banat akibat sosialisasi yang unik bagi sekolah tersebut manakala persoalan sama ada Tarbiah al Banat membawa perubahan yang signifikan atau tidak dalam pemikiran Melayu mengenai wanita dan kewanitaan dijawab di bahagian penutup.

WANITA MELAYU PRAMODEN

Sebelum meneruskan perbincangan tentang sejarah dan struktur organisasi TB, adalah wajar dinyatakan secara ringkas tanggapan-tanggapan tradisi tentang wanita dan kewanitaan yang dipegang oleh orang Melayu di zaman prakolonial. Dalam pandang dunia Melayu, baik kaum wanita mahupun lelaki mempunyai

keupayaan untuk menyumbang kepada pertumbuhan masyarakat. Bagaimanapun, keupayaan mereka berbeza-beza. Rata-rata pada masa itu, orang berfikir yang orang lelaki lebih sesuai dan lebih berkesan di luar rumah manakala orang perempuan di dalam rumah.

Berdasarkan catatan-catatan pengembara (*travellogue*) dan dokumen-dokumen penjajah, wanita Melayu digambarkan sebagai terikat kepada rumah tangga dan memainkan peranan sokongan (*supportive role*) kepada saudara mara lelakinya. Tentang sosialisasi kanak-kanak, kita diberitahu bahawa kanak-kanak perempuan apabila meningkat umur lima atau enam tahun diminta membantu ibu mereka di dapur, mengangkut air, mencuci kain dan mengemas rumah. Dia juga tidak sebebaskan saudara lelakinya berjalan-jalan dan bermain. Seperti kanak-kanak lelaki, kanak-kanak perempuan juga diajar mengaji tetapi aktiviti ini dilaksanakan di rumah atau di pondok. Kanak-kanak perempuan juga dididik supaya menerima hakikat bahawa pada suatu hari nanti, dia akan berkahwin. Sebagai seorang isteri, dia akan memikul tanggungjawab melayan suami, mertua dan ipar lamai, mengemas rumah dan menjaga anak-anak. Oleh itu sebagai persediaan untuk peranan sebagai isteri, menantu dan ibu, anak gadis Melayu digalakkan membantu ibu dan saudara perempuannya membuat kerja-kerja rumah seperti memasak, menjahit, dan menjaga adik-adiknya. Daripada mereka, si gadis juga belajar berdandan, menghias diri dan menjaga kesihatan. Selain itu, mereka juga membuat kerja-kerja kampung seperti menanam, menuai, menampi dan menumbuk padi, menternak ayam, itik, kambing dan lembu, mengumpul kayu api, menangkap ikan di parit, sawah dan sungai, menganyam tikar, menenun kain dan membuat bakul.

Ternyata daripada sosialisasi pada zaman pramoden, bahawa kewanitaan seseorang didasarkan kepada potensinya untuk *domesticity*, iaitu membuat kerja-kerja yang dapat menyumbang kepada kebajikan keluarga dan rumah tangga. Potensi untuk *domesticity* ini pula hanya boleh dicungkil dan dikembangkan dalam konteks famili dan kampung seseorang. Dalam pandang dunia Melayu pada masa itu, kewanitaan seseorang lebih terserlah apabila ia menjadi ibu manakala *motherhood* dianggap pengalaman yang paling bermakna bagi seorang wanita lantaran kenyataan "syurga di bawah tapak kaki ibu". Oleh kerana rumah tangga dan *domesticity* diberi penekanan di zaman prakolonial, maka adalah tidak salah sekiranya disimpulkan di sini bahawa identiti wanita didasarkan kepada faktor-faktor jantina, keahliannya dalam keluarga, keturunan dan status perkahwinannya. Semasa kecil, wanita ialah anak kepada bapanya. Apabila dia berkahwin, wanita itu menjadi isteri kepada suaminya dan sekiranya dia dicerai, wanita tersebut menjadi janda kepada bekas suaminya. Walaupun wanita Melayu di zaman pramoden berpengaruh di dalam rumah tangga tetapi masyarakat melihat wanita sebagai tanggungan orang lelaki dan oleh itu, menjadi kelompok yang disubordinat.

TARBIAH AL BANAT: ORGANISASI DAN POLA-POLA SOSIALISASI

Bermula tahun 1930-an, negeri Kedah, terutama sekali Daerah Kota Star, menyaksi perubahan ekonomi dan sosial yang agak ketara akibat modenisasi dan pembaratan yang dicetuskan oleh kolonialisme. Satu aspek pembangunan di zaman penjajahan Inggeris yang memperlihatkan kesan-kesan yang besar lagi mendalam terhadap kedudukan dan peranan wanita Melayu ialah pengenalan sistem pendidikan sekular. Pada akhir tahun 1920-an, di Alor Setar telah ditubuh tiga buah sekolah Melayu iaitu Sekolah Sungai Korok Lama, Sekolah Derga dan Sekolah Kancut dan dua buah sekolah Inggeris iaitu Kampung Baru Girls' School (kemudian dinamakan Sultanah Asma School) dan St. Nicholas' Convent School. Dengan adanya sekolah-sekolah ini bererti yang wanita Melayu mempunyai peluang untuk kenal huruf dan menimba ilmu di luar konteks famili dan kampung mereka. Modenisasi juga mendedahkan kaum wanita kepada peluang-peluang untuk bekerja makan gaji di sekolah-sekolah, pejabat kerajaan, dan syarikat-syarikat perniagaan. Apabila makin ramai kaum wanita memanfaatkan peluang-peluang untuk bersekolah dan bekerja, maka muncul di Alor Setar pada awal tahun 1940-an, gadis-gadis Melayu yang berpelajaran dan berkelayakan untuk bekerja dalam bidang awam sebagai jururawat, kerani dan pelayan-pelayan. Kejayaan sekolah-sekolah Inggeris dan Melayu menghasilkan "wanita baru" ini jelas membayangkan perubahan sikap di kalangan sesetengah orang Melayu terhadap peranan kaum wanita dalam masyarakat sehinggakan kewajaran tanggapan-tanggapan lama tentang kewanitaan mula dipersoalkan.

Dalam konteks perubahan yang sedang melanda masyarakat Melayu di Alor Setar pada masa itu, Tarbiah al Banat menonjol sebagai sebuah institusi pendidikan dan alternatif kepada sekolah-sekolah Melayu dan Inggeris untuk gadis-gadis Melayu pada zaman itu mengalami kemodenan tanpa menegenpikan tradisi dan budaya tempatan. Ditubuhkan pada tahun 1948, Tarbiah al Banat merupakan cawangan Ma'hadil Mahmud atau Maktab Mahmud. Juga dikenali sebagai sekolah madhad, Maktab Mahmud ditubuhkan pada tahun 1933 dan bertujuan menawarkan pendidikan agama khusus kepada pelajar-pelajar lelaki (Suffian 1993:22). Ura-ura untuk membuka satu cawangan maktab tersebut untuk remaja perempuan sebenarnya telah ada sejak awal tahun 1940-an tetapi penubuhannya hanya menjadi kenyataan pada tahun 1948, tiga tahun selepas Perang Dunia Kedua. Di antara tokoh-tokoh agama negeri Kedah yang bertanggungjawab di atas penubuhan Tarbiah al Banat dan yang terlibat dalam pengurusan Maktab Mahmud ialah Syeikh Abdul Majid, Haji Wan Sulaiman, Syeikh Osman, Syeikh Abdul Halim dan Syeikh Saad.

Sebagai sebuah cawangan, Tarbiah al Banat tidak berkongsi bangunan sekolah dengan Maktab Mahmud tetapi mempunyai bangunannya sendiri. Bangunan ini terletak di Seberang Perak, lebih kurang satu setengah kilo-

dan yang boleh menjamin kemurnian, kesucian dan keutuhan ilmu-ilmu wahyu ialah penghafalan.

Juga sejajar dengan tanggapan bahawa ilmu itu tidak berubah-ubah, pelajar-pelajar Tarbiah al Banat tidak menyoal guru-guru mereka tentang erti ayat-ayat al Quran dan kenyataan-kenyataan yang terdapat di dalam kitab-kitab. Pendek kata, tidak terdapat pertukaran pendapat dan fikiran di dalam kelas di Tarbiah al Banat. Baik guru mahupun pelajar tidak terlibat di dalam dialog atau perbincangan. Semasa dalam darjah, pelajar-pelajar mendengar, menulis, membaca al Quran, menghafal Quran dan kitab-kitab dan mengulang kaji pelajaran-pelajaran yang lepas. Sekiranya pelajar merosot dalam pelajaran, dia dimarahi gurunya. Oleh kerana penghafalan ditekankan di dalam sistem pendidikan di Tarbiah al Banat, pelajar-pelajar menggunakan juga teknik tersebut apabila belajar ilmu-ilmu sekular seperti bahasa Arab, bahasa Inggeris, matematik, geografi dan sejarah. Ditinjau dari satu segi, adalah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa penekanan yang diberikan kepada penghafalan bukan sahaja tidak membangkitkan semangat ingin tahu di kalangan para pelajar tetapi juga menghasilkan para pelajar yang replika guru-guru mereka dari segi pengetahuan, pemikiran dan perilaku.

Guru-guru di Tarbiah al Banat dipanggil ustaz sekiranya ia lelaki dan ustazah sekiranya ia wanita. Hubungan antara guru dan pelajar di Tarbiah al Banat biasanya cukup formal. Pelajar-pelajar hormat, takut dan segan dengan para guru terutama sekali ustaz kerana ilmunya dan juga gendernya. Dalam sistem pendidikan agama di Tarbiah al Banat, guru dilihat sebagai orang yang bertanggungjawab mendisiplin tingkah laku mahupun minda para pelajar. Untuk memupuk minat pelajar terhadap pengajiannya, guru sering mengingatkan mereka akan kesucian ilmu-ilmu agama, pahala yang mereka akan perolehi sekiranya mereka membaca dan menghafal al Quran dengan tepat dan dosa yang mereka akan kumpul sekiranya mereka tidak serius dalam pengajian mereka. Satu kesimpulan yang boleh dibuat tentang sistem pendidikan di Tarbiah al Banat ialah ia bertujuan melaksanakan disiplin orang dewasa ke atas kanak-kanak dan orang lelaki ke atas wanita (Eickelman 1985:65).

Di Tarbiah al Banat, kefahaman seseorang pelajar diukur berdasarkan kebolehannya mentafsir surah-surah al Quran dan menggunakan surah-surah tersebut dalam konteks yang sesuai seperti dalam perbincangan dan karangan (Eickelman 1985:64). Sejauh mana seseorang pelajar telah memanfaatkan pendidikan di Tarbiah al Banat biasanya dilihat daripada peribadi dan tingkah laku pelajar. Misalnya, pelajar yang biadab atau nakal dikatakan belum lagi terbuka hatinya atau benak hati manakala yang tertib dan baik budi bahasa dicampur pula dengan kebolehan-kebolehan tertentu seperti menghafal surah-surah al Quran, boleh ingat hukum-hukum atau pandai berpidato dikatakan terang hati. Dalam konteks ini keadaan hati seseorang sama ada "terang" atau "benak" menjadi petunjuk kepada sejauh mana pelajar telah menghayati al Quran dan ilmu-ilmu agama.

Satu lagi ciri pendidikan di Tarbiah al Banat berkait dengan kemampuan sekolah itu menawarkan peluang untuk pelajar-pelajar berinteraksi antara satu dengan lain dan menjalin persahabatan. Seperti sekolah-sekolah lain, Tarbiah al Banat merupakan konteks bagi gadis-gadis dari latar belakang keturunan dan kelas yang berlainan untuk bertemu dan menjalinkan persahabatan antara satu dengan lain. Dalam hal ini, didapati pelajar-pelajar dari golongan bangsawan yang sebenarnya sedikit bilangannya, bercampur dan bersahabat dengan pelajar-pelajar keturunan rakyat. Walaupun terbentuk di Tarbiah al Banat kelompok-kelompok sebaya tetapi keahlian dalam kelompok-kelompok ini sekadar untuk tujuan-tujuan beriadah, makan dan berbual-bual di waktu rehat. Kecuali kelompok-kelompok ini yang sebenarnya terbentuk secara tak formal, Tarbiah al Banat tidak mempunyai kelompok-kelompok lain seperti persatuan bahas, persatuan bahasa Arab dan persatuan-persatuan lain yang biasanya berfungsi mengikatkan pelajar-pelajar ke dalam satu kesatuan yang stabil dan meningkatkan semangat kekitaan di kalangan para pelajar.

KESEDARAN KENDIRI DAN IDENTITI DISUBORDINAT

Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa perkara dapat diperkatakan tentang sejauh mana pengalaman semasa berada di Tarbiah al Banat mempengaruhi kesedaran sendiri dan identiti gadis-gadis Melayu yang belajar di sekolah itu. Umumnya gadis-gadis yang terdedah kepada sistem pendidikan Islam di Tarbiah al Banat berjaya membentuk identiti kelompok yang tersendiri. Mereka mengenali diri mereka dan dikenali umum sebagai “budak-budak banat”. Identiti kelompok ini didasarkan kepada tiga perkara iaitu hak mereka untuk mengguna pakaian seragam, pendedahan kepada ilmu-ilmu agama dan penguasaan bahasa Arab. Sebagai “budak-budak banat” gadis-gadis ini dianggap berbeza dan hebat daripada gadis-gadis yang tidak bersekolah kerana keberanian mereka menuntut ilmu-ilmu agama bukan sahaja di sekolah tetapi juga ke peringkat yang tinggi. “Budak-budak banat” juga melihat diri mereka sebagai sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar lagi dan yang mempunyai kedudukan yang agak istimewa di Alor Setar pada masa itu. Kumpulan yang dimaksud di sini ialah kumpulan “budak-budak sekolah”. Sebagai “budak-budak sekolah”, pelajar-pelajar Tarbiah al Banat berkongsi pengalaman yang sama dengan pelajar-pelajar sekolah Melayu dan Inggeris seperti kena memakai pakaian seragam, kena menanda buku, membuat latihan jasmani, didisplin oleh guru, mengambil peperiksaan, menerima hadiah dan lain-lain lagi.

Sungguhpun mereka mampu mengidentifikasikan diri mereka dengan golongan pelajar tetapi pelajar-pelajar Tarbiah al Banat juga sedar yang mereka berbeza daripada pelajar-pelajar sekolah Melayu dan Inggeris dalam empat hal. Pertama, mereka diajar tentang ilmu-ilmu agama bukan ilmu sekular seperti pelajar-pelajar sekolah Melayu dan Inggeris. Kedua, mereka dijangka dapat

mengguna bahasa Arab. Ketiga, mereka diajar secara sistematik seni memberi syarahan dan berbahas; dan keempat, mereka memiliki sikap taksub terhadap guru. Semua ini menyebabkan pelajar-pelajar Tarbiah al Banat melihat diri mereka sebagai gadis-gadis yang mempunyai tanggungjawab yang berat seperti menjaga akidah, berakhlak mulia, warak, alim, sopan santun dan pandai mengimbangi tuntutan-tuntutan dunia dan akhirat. Di samping itu, perkara-perkara yang masyarakat jangkakan daripada pelajar-pelajar Tarbiah al Banat menunjuk bahawa dari satu segi yang lain, kemunculan “budak-budak banat” dalam masyarakat Melayu melambangkan perkaitan yang erat antara identiti Melayu dengan identiti Arab. Bahawa “budak-budak banat” mewakili budaya dan masyarakat Timur Tengah ternyata misalnya, daripada panggilan “ya habibi” terhadap mereka, lagu-lagu Arab seperti lagu “Ala baladdin” yang ditujukan kepada mereka dan amalan menjemput pelajar-pelajar Tarbiah al Banat membaca al Quran pada majlis-majlis perkahwinan.

Di samping menghubungkan identiti Melayu dengan identiti Arab, identiti kelompok yang terpupuk di kalangan pelajar-pelajar Tarbiah al Banat juga membantu mengukuhkan tanggapan-tanggapan tradisi tentang wanita yang unggul. Seperti yang dinyatakan di dalam bahagian dua artikel ini, dalam masyarakat Melayu pramoden, kaum wanita tidak dihalang daripada belajar agama tetapi di rumah kewanitaannya seseorang pula didasarkan kepada potensinya untuk domesticity dan kemampuannya memegang peranan sokongan kepada kaum lelaki. Bagaimanapun, di zaman pramoden, pendedahan kaum wanita kepada ilmu-ilmu agama adalah bertujuan menjadikannya seorang isteri dan ibu yang berakhlak mulia, tinggi budi pekerti dan alim. Sekiranya diteliti pola-pola sosialisasi di Tarbiah al Banat, jelas bahawa ia menjurus kepada penghasilan wanita Melayu yang dari segi orientasi nilai masih beranggapan bahawa tempat wanita ialah di dapur, kedudukan sebagai ibu ialah puncak kewanitaannya seseorang dan kaum lelaki itu ialah tempat untuk wanita berlindung dan menumpang makan dan kasih.

Seterusnya dilihat pula apakah kesan terhadap jati diri wanita-wanita yang beridentiti begini, yakni memiliki *subordinated identity*, apabila mereka berinteraksi atau membanding diri mereka dengan pelajar-pelajar daripada sekolah lain? Menurut para responden, kelompok pelajar yang penting bagi pelajar-pelajar Tarbiah al Banat terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah Melayu, sekolah Inggeris dan Maktab Mahmud. Apabila membandingkan diri mereka dengan pelajar-pelajar sekolah Melayu, pelajar-pelajar Tarbiah al Banat umumnya melihat diri mereka sebagai kelompok yang lebih menonjol dan superior. Perasaan superior ini berkait rapat dengan persepsi pelajar-pelajar Tarbiah al Banat sendiri tentang dua perkara. Pertama, kedudukan tinggi Islam dan ilmu-ilmu agama dalam budaya Melayu. Orang yang mendalami ilmu-ilmu ini bukan sahaja dianggap alim tetapi juga dipandang mulia. Dalam konteks pemikiran ini, tidak hairan sekiranya pelajar-pelajar Tarbiah al Banat menganggap diri mereka sebagai lebih alim daripada pelajar-pelajar sekolah

Melayu. Kedua, ialah kedudukan Tarbiah al Banat sebagai sebuah sekolah tinggi atau maktab. Dalam tahun 1940-an, darjah yang tertinggi di sekolah-sekolah Melayu ialah darjah empat manakala di Tarbiah al Banat, seorang pelajar boleh naik sampai darjah lapan dan menduduki peperiksaan untuk memperolehi sijil Maktab Mahmud. Jadi perkara ini juga memberi justifikasi kepada pelajar-pelajar Tarbiah al Banat untuk menganggap mereka lebih hebat dan superior daripada pelajar-pelajar sekolah Melayu di mana darjah tertinggi ialah darjah enam sahaja.

Identiti sebagai kelompok yang superior ini bagaimanapun tidak dapat dipertahankan oleh pelajar-pelajar Tarbiah al Banat apabila berhadapan dengan pelajar-pelajar Kampung Baru Girls School dan St. Nicholas Convent School. Umumnya pelajar-pelajar Tarbiah al Banat mempunyai sikap *ambivalent* terhadap gadis-gadis Melayu yang menghadiri kedua-dua sekolah ini. Di satu pihak mereka menghormati kebolehan gadis-gadis tersebut bertutur dalam bahasa Inggeris dan sifat *assertive* serta yakin kepada diri sendiri yang mereka fikir dimiliki oleh pelajar-pelajar sekolah Inggeris. Tetapi di satu pihak lain, pelajar-pelajar Tarbiah al Banat kurang senang dengan citra pelajar-pelajar sekolah Inggeris yang dikatakan terlalu "sosial". Wanita yang "sosial" ialah wanita yang tidak tahu segan atau malu dengan kaum lelaki dan terikut-ikut dengan tabiat serta amalan-amalan Barat seperti suka berparti, memakai pakaian Barat, berdansa dan memakai *make-up*. Sikap *ambivalent* ini mudah membuat pelajar-pelajar Tarbiah al Banat berasa rendah diri apabila berinteraksi dengan pelajar-pelajar sekolah Inggeris. Perasaan ini meningkat memandangkan Tarbiah al Banat juga telah mengukir citra sebagai sebuah sekolah untuk pelajar-pelajar yang gagal memperolehi tempat di sekolah Inggeris. Walaupun dakwaan ini tidak betul tetapi citra negatif ini mempunyai kesan-kesan mendalam terhadap kesedaran sendiri pelajar-pelajar Tarbiah al Banat sehinggalah mereka umumnya melihat diri mereka sebagai kelompok yang kekurangan dari segi sosial dan kebudayaan untuk mengadaptasi kepada situasi baru.

Dalam dunia sosial pelajar-pelajar Tarbiah al Banat, Maktab Mahmud cukup penting. Maktab tersebut ialah salah satu lambang Islam yang utama di negeri Kedah dan institusi pendidikan Islam yang ulung di negeri itu. Apabila membandingkan diri mereka dengan pelajar-pelajar Maktab Mahmud yang terdiri daripada remaja lelaki, perasaan rendah diri dan kecil terserlah di kalangan para responden. Bagaimanapun, perasaan rendah diri ini tidak seperti yang dirasakan terhadap pelajar-pelajar Kampung Baru Girl's School dan St. Nicholas Convent School. Rasa rendah diri yang ada pada pelajar-pelajar Tarbiah al Banat semasa berhadapan dengan pelajar-pelajar sekolah Inggeris didorong oleh kesedaran yang mereka tidak dapat menguasai bahasa Inggeris, kurang lincah, dan kurang yakin kepada diri sendiri. Apabila berhadapan dengan pelajar-pelajar dari Maktab Mahmud, rasa rendah diri itu disebabkan oleh tiga faktor iaitu jantina, ideologi gender Islam dan struktur organisasi sekolah itu sendiri. Bekas-bekas pelajar Tarbiah al Banat yang ditemu bual

umumnya berpendapat bahawa pada masa itu mereka menganggap pelajar-pelajar Maktab Mahmud pandai-pandai belaka, alim dan berpotensi menjadi ustaz yang terkenal dan berwibawa. Kepandaian pelajar-pelajar ini menurut mereka ialah kerana mereka lelaki. Orang lelaki dipercayai lebih arif, bijak dan serius dalam pengajian mereka berbanding dengan orang perempuan. Mereka juga tidak iri hati terhadap pelajar-pelajar lelaki kerana Islam mengajar yang tempat kaum wanita ialah di belakang kaum lelaki dan orang lelaki itu pemimpin dan pelindung kaum wanita.

Tentang struktur organisasi Tarbiah al Banat pula, terdapat tiga aspek yang membantu memupuk rasa rendah diri pelajar-pelajar Tarbiah al Banat terhadap pelajar-pelajar Maktab Mahmud. Pertama, kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk pelajar-pelajar Tarbiah al Banat cukup berbeza daripada yang terdapat di Maktab Mahmud. Misalnya Tarbiah al Banat ditempatkan di bangunan yang seakan-akan bangsal manakala Maktab Mahmud di bangunan besar dua tingkat dan diperbuat daripada batu. Maktab Mahmud mempunyai halaman yang luas untuk pelajar-pelajar lelaki bermain bola tetapi Tarbiah al Banat hanya halaman yang kecil sahaja. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar Tarbiah al Banat juga tidak dibenarkan bermain, bersenam dan bersukan. Kedua, struktur hubungan antara guru-guru lelaki dan perempuan mengukuhkan kepercayaan bahawa wanita mempunyai kedudukan yang rendah daripada lelaki. Pengetua Tarbiah al Banat misalnya, terdiri daripada seorang ustaz bukan ustazah. Ustazah yang mengajar di Tarbiah al Banat jarang dibawa berbincang tentang hal-hal dan masalah di Tarbiah al Banat. Semua keputusan yang berkaitan dengan Tarbiah al Banat dibuat oleh pengetua atas nasihat guru-guru lelaki. Di dalam kelas, pelajar-pelajar Tarbiah al Banat sering diingatkan oleh ustaz dan ustazah yang orang lelaki itu pemimpin kaum wanita, justeru lelaki berkedudukan lebih tinggi daripada kaum wanita dan mempunyai tanggungjawab yang lebih berbanding dengan orang perempuan. Mesej-mesej ini biasanya disalurkan dalam kelas-kelas fikih yang melibatkan huraian tentang tanggungjawab lelaki dan wanita berkaitan dengan ibadah, taharah, muamalat dan munakahat.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dua kesimpulan boleh dibuat mengenai peranan sekolah agama, khususnya Tarbiah al Banat, dalam pembentukan identiti wanita Melayu di zaman kolonial. Pertama, sekolah berkenaan telah berjaya menawarkan konteks sosial dalam mana gadis-gadis Melayu dapat membentuk untuk diri mereka satu identiti kelompok yang baru di zaman kolonial dan yang diasaskan kepada pengalaman-pengalaman sepunya (*common experience*) sebagai pelajar-pelajar yang terdidik dalam bidang agama. Meskipun demikian, identiti kelompok yang mereka memiliki tidak

pula mendorong pelajar-pelajar Tarbiah al Banat menubuhkan kumpulan-kumpulan di luar konteks sekolah demi mengukuhkan dan melanjutkan hubungan sesama mereka. Keadaan ini berkait rapat dengan organisasi Tarbiah al Banat yang tidak menggalakkan penubuhan persatuan-persatuan pelajar dan membiarkan pelajar-pelajarnya bebas masuk dan berhenti sekolah. Tanpa persatuan-persatuan, sekolah berkenaan kekurangan mekanisme tambahan untuk menanam dan meningkatkan semangat kekitaan di kalangan para pelajar. Tanpa peraturan tentang bila dan mengapa seseorang pelajar boleh berhenti sekolah, agak sukar bagi seseorang pelajar untuk menunjuk taat setianya yang berlanjutan kepada Tarbiah al Banat.

Kedua, walaupun Tarbiah al Banat menunjuk kemajuan dalam usahanya menghadapi cabaran modenisasi melalui gembengan Islam dan Barat dalam sistem pendidikan dan organisasinya, namun sekolah berkenaan hanya mampu menghasilkan wanita Melayu yang mengukir untuk diri sendiri identiti orang-orang yang subordinated. Di antara sebab-sebabnya ialah status Tarbiah al Banat sebagai cawangan Maktab Mahmud, ideologi gender Islam yang pada masa itu ditasfsirkan sebagai mengutamakan kaum lelaki dan kurang pendedahan kepada bahasa Inggeris. Apabila diteliti ciri-ciri identiti subordinated ini, ternyata yang ia tidak banyak berbeza daripada identiti wanita Melayu yang terbentuk di zaman pramoden. Oleh itu, adalah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa sebagai satu bentuk gerakan identiti, Tarbiah al Banat tidak membawa perubahan yang signifikan atau radikal dalam pemikiran Melayu mengenai wanita dan kewanitaan.

RUJUKAN

- Eickelman, D.F. 1985. *Knowledge and Power in Morocco: The Education of a Twentieth-century Rural Notable*. Princeton, New Jersey: Princeton University Press.
- Friedman, J. 1989. Culture, Identity and World Process. *Review (Braudel Centre Journal)* 12:51-69.
- Firth, Rosemary. 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants*. London: Athlone Press.
- Giddens, A. 1990. *The Consequences of Modernity*. Cambridge: Polity.
- Gomez, A. 1993. *Modernity and Identity: Asian Illustrations*. Bundoora, Victoria: La Trobe University Press.
- Ismail Ab. Rahman (pnyt). 1993. *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McLellan, S. 1978. Mothers and Daughters in the Changing Economy of Rural Kedah. *Manusia dan Masyarakat* 5:1-11.
- Nabir Abdullah. 1976. *Maahad II Ihya Assyariff Gunung Semanggul (1934-1959)*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Roff, W.R. 1966. Kaum Muda and Kaum Tua: Innovation and Reaction Among the Malays 1900-1944. Dalam *Paper on Malaysian History* disunting oleh K.G. Tregonning.